

Latihan Menyusun Karangan 1

Susun perenggan A hingga E mengikut urutan yang betul untuk menghasilkan karangan yang lengkap.

Tajuk: Jika anda diberi hadiah RM100, bagaimana anda membelanjakannya?

A Selain itu, saya akan menyimpan sebahagian wang tersebut di dalam tabung. Menyimpan wang dapat melatih saya supaya berjimat cermat. Jika ada keperluan mendesak pada masa depan, saya boleh menggunakan wang simpanan itu.

B Kesimpulannya, jika saya diberi hadiah RM100, saya akan membelanjakannya secara berhemah. Saya akan membeli barang yang perlu, menyimpan sebahagiannya, dan menggembirakan ibu bapa saya. Sikap berjimat cermat dan menghargai pemberian orang harus diamalkan oleh semua murid.

C Jika saya diberi hadiah wang tunai sebanyak RM100, saya akan berasa sangat gembira. Wang itu amat bermakna kerana boleh digunakan untuk banyak perkara. Saya bercadang untuk membelanjakannya dengan cara yang bijak dan bermanfaat.

D Pertama, saya akan membeli keperluan sekolah seperti buku latihan, pensel, pemadam dan pembaris. Barang-barang ini penting untuk pelajaran saya. Dengan adanya kelengkapan yang cukup, saya dapat belajar dengan lebih selesa dan bersemangat.

E Seterusnya, saya ingin menghadihkan sesuatu untuk ibu bapa saya. Walaupun kecil, hadiah itu tanda kasih sayang saya kepada mereka. Saya percaya mereka pasti berasa gembira dan bangga dengan sikap saya.

PENDAHULUAN	ISI 1	ISI 2	ISI 3	PENUTUP